



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (22)
Tarikh : 26 April 2021

SIARAN MEDIA

LAWATAN PEMERIKSAAN TAHAP PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAZAR RAMADAN DI SEKITAR AMPANG

AMPANG, 26 April 2021 – Yang Berhormat Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah turun padang untuk melakukan lawatan dan tinjauan ke beberapa tapak Bazar Ramadan di sekitar Ampang petang ini. Antara Bazar Ramadan yang terlibat ialah Bazar Permai Court, Bazar Ampang Jaya, Bazar Bukit Indah, Bazar Bandar Baru Ampang, Bazar Tasik Tambahan dan Bazar Kompleks Muhibbah.

Tinjauan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pematuhan SOP oleh peniaga dan pengunjung di Bazar Ramadan. Perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam pengendalian Bazar Ramadan adalah memastikan keadaan bazar terkawal, tidak sesak dan pematuhan SOP dalam kalangan pengunjung. Penganjur juga digalakkan untuk membuat susun atur gerai dan laluan sehalu bagi membolehkan pengunjung bergerak mengikut laluan arah yang teratur.

SOP Bazar Ramadan merangkumi kawalan keluar masuk pengunjung ke bazar dengan penjarakan fizikal 1 meter, penggunaan cecair pembasmi kuman, pemakaian pelitup muka oleh peniaga dan pengunjung perlu dipatuhi. Selain itu, penganjur diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera dan penyediaan buku pendaftaran kehadiran bagi pelanggan yang tiada kemudahan liputan internet. Peniaga dan pelanggan yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius adalah tidak dibenarkan masuk ke tapak bazar Ramadan.

Terdapat sebanyak 1,122 Bazar Ramadan telah dibuka pada tahun ini di seluruh negara kecuali di Kelantan dan Sabah. Sehingga 23 April 2021, sebanyak tiga Bazar Ramadan iaitu Bazar Ramadan Bukit Nyamuk, Kuala Nerang (Kedah), Bazar Ramadan Greenwood Gombak (Selangor) dan Bazar Ramadan Tok Adis, Kuala Terengganu (Terengganu) telah diarah tutup sementara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tindakan penambahbaikan kepada pematuhan SOP. Namun bazar- bazar tersebut telah pun mula dibuka kembali iaitu Bazar Ramadan Bukit Nyamuk, Kuala Nerang (25 April 2021), Bazar Ramadan Tok Adis, Kuala Terengganu (19 April 2021) dan Bazar Ramadan Greenwood Gombak (26 April 2021). Manakala satu Bazar Ramadan di Pulau Pinang telah dikenakan kompaun.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ingin mengingatkan selaras dengan penurunan kuasa mengkompaun kesalahan kepada PBT untuk mengkompaun sebarang kesalahan dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) berkuatkuasa 14 April 2021, anggota Penguatkuasa PBT boleh mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengunjung dan para peniaga yang didapati ingkar dan melanggar SOP mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Penurunan kuasa mengkompaun kesalahan membolehkan ketidakpatuhan SOP diambil tindakan segera oleh PBT dalam memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai adalah terjamin. Dengan penguatkuasaan SOP oleh pihak PBT, ia dapat memantapkan lagi pematuhan SOP dalam penganjuran Bazar Ramadan. Ini penting dalam mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat seterusnya dapat mengelakkan kewujudan kluster baharu jangkitan COVID-19 berpunca daripada Bazar Ramadan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*